



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SERAH BANTUAN PADA 1,500 PETUGAS BARISAN HADAPAN MINDEF, GENERAL NEWS, UTUSAN BORNEO SABAH-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	HAFIZAH GIGIH MAJUKAN PRODUK LEGASI MAK TON, DALAM NEGERI,UM-31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	AISKRIM BATANG PENYAMBUNG REZEKI, NEGARA,BH-18	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	HARGA RUNCIT TELUR AYAM DI SHAH ALAM STABIL, NEGERI SELANGOR, SH-29	LAIN - LAIN
5.	KAMI BUNTU, TIADA SIAPA MAHU BELI PADI, NEGERI TERENGGANU.KELANTAN, SH-28	
6.	BEKALAN AYAM MENCUKUPI, NASIONAL,SH-14	
7.	PESAWAH RUGI PADI WANGI TIADA PEMBELI, NASIONAL,SH-22	
8.	TAMBAK LAUT BATAL, NELAYAN HILANG MANFAAT SIMP, DALAM NEGERI,UM-12	
9.	TINGKAT TARAF HIDUP PETANI, LOKAL, HM-24	
10.	HASIL TANI, TERNAKAN MAKIN BERTAMBAH, LOKAL,HM-24	
11.	BEKALAN AYAM, TELUR MENCUKUPI-KPDNHEP, ASTRO AWANI-ONLINE	
12.	KPDNHEP JAMIN BEKALAN AYAM, TELUR CUKUP, BH-ONLINE	
13.	64.9 JUTA AYAM, LEBIH 1 BILLION BUI TELUR DIKELUARKAN BULAN INI, DUJAMIN MENCUKUPI, UM-ONLINE	
14.	KERAJAAN SELANGOR BANTU KEBUN KOMUNITI, NEGARA,KOSMO-16	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



08 OCT, 2021

MAFI serah bantuan pada 1,500 petugas barisan hadapan MINDEF

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI serah bantuan pada 1,500 petugas barisan hadapan MINDEF

Oleh Adriana Mroon Ambrose

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 1,500 petugas barisan hadapan Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

Petugas barisan hadapan MINDEF ini terdiri daripada orang warga awam dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari Markas Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia di Kem Kementah, Kuala Lumpur.

Menterinya Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, sumbangan 10 tan metrik membabitkan hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan produk industri makanan ini diberikan bagi membantu golongan sasar yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari 2021 juga telah diperkaskan lagi dengan penglibatan pihak swasta dan pemain industri sebagai rakan strategik selaras dengan pendekatan whole-of-nation yang menggembleng kerjasama



MAFI PRIHATIN: Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein (kiri) menerima sumbangan MAFI Prihatin kepada MINDEF yang disampaikan oleh Ronald baru-baru ini.

seluruh anggota masyarakat dan kerajaan dalam usaha memerangi pandemik COVID-19."

"Bantuan melalui MAFI Prihatin juga telah diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam yang lain serta kepada badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memerlukan," katanya dalam satu kenyataan.

Ronald berkata, program MAFI Prihatin ini adalah

sangat memberangsangkan dalam memberi ruang dan manfaat kepada banyak pihak terutama sekali di dalam tempoh pandemik yang begitu mencabar ini.

"Manfaat ini kini turut dirasakan oleh para semua frontliners dan ini sedikit sebanyak mampu untuk menaikkan semangat dan usaha mereka untuk meneruskan perjuangan dalam memerangi wabak COVID-19 ini," katanya.

Secara keseluruhannya, sejak Januari hingga September

yang lalu, seramai 117,033 penerima menerima manfaat telah direkodkan melalui Program MAFI Prihatin di lebih 500 lokasi seluruh negara melibatkan 10 jabatan dan agensi di bawahnya.

Sehingga, 3 Oktober 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, telah memberi manfaat kepada 38,874 orang di 203 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 76.60 tan metrik makanan telah disalurkan.



08 OCT, 2021

MAFI serah bantuan pada 1,500 petugas barisan hadapan MINDEF

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 1,500 petugas barisan hadapan Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF). Petugas barisan hadapan MINDEF ini terdiri daripada orang warga awam dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari Markas Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia di Kem Kementah, Kuala Lumpur. Menterinya Datuk Seri Dr.

08 OCT, 2021

Hafizah gigih majukan produk legasi Mak Ton

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Hafizah gigih majukan produk legasi Mak Ton

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
iswan@utusanmalaysia.com.my

TASEK KELUGOR: Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Kata-kata itu sentiasa menjadi pegangan buat seorang usahawan produk sambal ikan bilis garing di sini sejak tiga tahun lalu.

Noor Hafizah Idris, 38, berkata, meskipun mempunyai sedikit ilmu berkaitan perniagaan sebelum bergelar usahawan sepenuh masa, namun dia tidak pernah berasa ralat untuk bermula dari bawah.

Berkat kegigihan anak bongsu daripada tiga beradik itu, dia kini boleh berbangga apabila syarikatnya, Mak Ton Food Resources turut menghasilkan beberapa produk sampingan lain termasuk bawang dan peria goreng, rempeyek dan sebagainya bermula tahun ini.

Malah, wanita itu juga pernah meraih anugerah Johan Agrobaazar Online bagi peringkat negeri Pulau Pinang selama dua tahun berturut-turut iaitu pada 2018 dan 2019 kerana berjaya mencatatkan kadar jualan memberangsangkan meskipun perniagaannya ketika itu baru berusia 'setahun jagung'.

"Alhamdulillah, impian saya untuk meneruskan legasi perniagaan atas nama ibu (Mak Ton) tercapai juga akhirnya.

"Walaupun telah berhabis le-

bih RM10,000 ketika memulakan perniagaan ini, namun saya bersyukur kerana menerima Geran Agroprenuer Muda (GAM) sebanyak RM20,000 dari FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dan lain-lain bantuan untuk meneruskan perniagaan ketika ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ujar pemegang Diploma Sistem Maklumat itu, ketika ini syarikatnya boleh menghasilkan sehingga 200 botol produk sambal ikan bilis garing seberat 160 gram atau lebih setiap hari selain mampu meraih pendapatan yang agak memuaskan menerusi platform jualan secara dalam talian sahaja.

Kata bekas ejen hartanah dan pekerja sektor perbankan itu lagi, peralihan fasa dalam program Pelan Pemulihan Negara (PPN) ketika ini juga memberi peluang kepadanya untuk kembali menyusun semula strategi perniagaan agar lebih berdaya saing.

"Buat masa ini, saya banyak menumpukan kaedah pemasaran produk secara dalam talian termasuk melalui Facebook dan Shopee memandangkan kaedah konvensional seperti ekspo, pameran dan sebagainya agak terhad.

"Dulu, kerja-kerja pemasaran produk saya banyak dibantu oleh ejen-ejen, namun, apabila kurang sesi *coaching* (latihan) untuk

mereka, maka saya kini banyak bergerak sendiri," katanya yang sedang menunggu pensijilan halal dan MeSTI untuk melebarkan lagi sayap perniagaannya.

Felas Noor Hafizah, selain perniagaan berasaskan makanan, dia juga memberanikan diri untuk meneroka bidang minuman menerusi produk yang dikenali sebagai Teh Tarik Pak Deris di bawah syarikat yang sama.

"Untuk produk 'offline' (bukan dijual secara dalam talian), pasaran utama saya lebih tertumpu kepada Pulau Pinang walaupun saya dimaklumkan ada seorang pengedar saya berjaya menemubusi beberapa pasaran stesen minyak Shell di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur pada ketika ini.

"Insya-Allah, jika keadaan kembali stabil selepas ini (pasca pandemik Covid-19), saya bercadang untuk meletakkan semua produk saya di K-Shopee (rangkai kedai Agrobaazar milik FAMA) di seluruh negeri selain mula mengintai peluang untuk memasuki pasar raya dan sebagainya," katanya.

Produk Mak Ton khususnya sambal ikan bilis garing yang mendapat permintaan tinggi di pasaran itu dijual pada harga RM15 manakala lain-lain produk khususnya bawang goreng dijual bermula pada harga RM20 untuk saiz seberat 200 gram.



NOOR Hafizah Idris menunjukkan produk Sambal Bilis Goreng Mak Ton, salah satu produk yang cukup laris di pasaran terutama selepas dia memasarkannya secara dalam talian.



08 OCT, 2021

Hafizah gigih majukan produk legasi Mak Ton

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Utusannews@mediamulia.com.my

TASEK GELUGOR: Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Kata-kata itu sentiasa menjadi pegangan buat seorang usahawa produk sambal ikan bilis garing di sini sejak tiga tahun lalu. Noor Hafizah Idris, 38, berkata, meskipun mempunyai sedikit ilmu berkaitan perniagaan sebelum bergelar usahawan sepenuh masa, namun dia tidak pernah berasa ralat untuk bermula dari bawah.

Headline	Aiskrim batang penyambung rezeki		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	18	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	407 cm ²
Journalist	Oleh NOR AINNA HAMZAH	AdValue	RM 10,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,809



Suami isteri bangkit semula selepas jualan merudum ketika PKP

Aiskrim batang penyambung rezeki

Oleh NOR AINNA HAMZAH

REMAU - Kehilangan punca pendapatan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu sedikitpun tidak mematahkan semangat sepasang suami isteri dari Pekan Chengkau di sini untuk memasarkan perniagaan aiskrim batang dengan jenama Nostalgia Popsicle.

Aerina Noorsharina Rajah, 28, berkata, dia memulakan perniagaan itu pada tahun 2019, namun produk yang dihasilkan suaminya, Mohd. Zulhazwan Shahri, 34, tidak dapat dipasarkan seperti biasa di kedai.

Aerina Noorsharina yang merupakan usahawan bimbingan Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Lembaga Pertubuhan Petadang (LPP) berkata, dia kemudiannya menukar konsep jualan dengan tidak bergantung kepada premis di lokasi perlancongan dan sekolah.

"Kami buat sistem stokis dan agen pada penghujung tahun lalu. Alhamdulillah, kini kami mempunyai kira-kira lima stokis dan tujuh ejen aktif terdiri dari



AERINA NOORSHARINA menunjukkan 20 perasa aiskrim Nostalgia Popsicle yang kini mampu dijual sebanyak 9,000 batang sebulan ketika ditemui di Gerai Kerajaan Pekan Chengkau, Rembau semalam.

pada suri rumah dan pelajar. Jualan 20 jenis aiskrim kami yang mempunyai pengesahan hari ini mampu dijual sebanyak 9,000 batang sebulan.

"Buat masa ini, kami sedang membuat kerjasama penyedi-

kan dan pembangunan (R&D) bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi tujuan menghantar pesanan aiskrim secara pos kerana terdapat permintaan dari Pulau Pinang, Kedah dan

Perak," katanya ketika ditemui di Gerai Kerajaan Pekan Chengkau di sini semalam.

Aerina Noorsharina berkata, jualan aiskrim batang berkenaan sebenarnya berasal dari idea projek keusahawanan di tahun

akhir bersama empat lagi rakan ketika masih menuntut di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti pada tahun 2017.

"Rata-rata masih belajar dan ada datang dari latar belakang keluarga yang sederhana, jadi modal perlulah kecil. Saya syorkan aiskrim nostalgia ini dengan kutipan modal sebanyak RM50 seorang dan tidak sangka jualan kami 'meletup' di kolej serta di pantai Kuala Sungai Baru pada cuti hujung minggu," katanya.

Menurutnya, perasa aiskrim yang paling banyak mendapat sambutan ialah aiskrim 'carrot susu' dan 'ais lemon tei'.

"Kini, perasa 'strawberi krim keju' paling mendapat sambutan di mana strawberi kami ambil dari Cameron Highlands. Kami juga memperkenalkan perasa baharu iaitu bunga teluk.

Menurutnya, aiskrim Nostalgia Popsicle boleh dibeli pada harga RM1.50 untuk 15 perasa dan RM2 bagi perasa premium seperti King yang mempunyai perasa vanila dan kacang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	29

Harga runcit telur ayam di Shah Alam stabil

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menafikan laporan media mengenai harga runcit telur ayam tidak konsisten di pasaran sekitar Shah Alam.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata pemantauan harian dibuat KPDNHEP Selangor sehingga Selasa menunjukkan harga telur pelbagai dan memberi pilihan kepada pengguna.

Menurutnya, harga telur Gred A ialah 44 sen hingga 49 sen sebiji manakala RM11.99 hingga RM13.89 sepapan manakala harga bagi telur Gred B pula ialah 42 sen hingga 48 sen sebiji dan RM11.25 hingga RM13.29 sepapan.

"Harga telur Gred C pula

ialah 40 sen hingga 45 sen sebiji manakala RM10.65 hingga RM12.90. sepapan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Muhamad Zikril Azan berkata, penetapan harga runcit telur berbeza untuk setiap peniaga disebabkan pelbagai faktor termasuk kos harga borong, belian jumlah bekalan, kos operasi premis dan sasaran pelanggan.

Tambahnya, pengguna juga boleh mendapatkan telur di pasar raya dan pasar basah yang harganya kompetitif dan berpatutan.

"Telur ayam tidak termasuk di bawah barang dan harga terkawal seperti kecuali semasa musim perayaan. Jadi, pengguna akan menikmati harga runcit telur ayam gred

A, B dan C yang seragam, sama, atau tetap berdasarkan harga siling ditetapkan mengikut lokaliti," katanya.

Mengulas lanjut, Muhamad Zikril Azan berkata, pihaknya memandangkan serius kenaikan harga melibatkan barangan keperluan asas pengguna kerana ia memberi impak kepada kos sara hidup rakyat terutamanya dalam fasa pemulihan ekonomi negara.

"Pengguna boleh membuat pertanyaan dan aduan melalui saluran rasmi di portal e-aduan@kpdnhep.gov.my; Call Centre di talian **1800 886 800**; emel e-aduan@kpdnhep.gov.my; aplikasi telefon pintar Ez ADU; Enforcement Command Centre (ECC) **03-8882 6245/6088**; dan WhatsApp ke **019-279 4317**," katanya.

8/10/2021

SINAR HARIAN

NEGERI
TERENGGANU.
KELANTAN

28

'Kami buntu, tiada siapa mahu beli padi'

200 pesawah terpaksa tanggung rugi akibat masalah pemasaran sejak tiga tahun lalu

Oleh SITI FATIMAH AWANG

KOTA BHARU

Seramai 200 pesawah di bawah Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad kerugian akibat masalah pemasaran susulan tiada pembeli padi sejak tiga tahun lalu.

Pengerusi Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad, Zailan Awang berkata, sebelum ini hasil tanaman padi mereka dibeli sebuah syarikat di Kedah, namun sejak 2019, pembelian dihentikan dan pesawah terpaksa mencari pembeli sendiri.

"Sebelum ini kami tanam padi dan sudah ada pembeli, tetapi sekarang ini tiada siapa

mahu beli hasil padi kami. Kami buntu memikirkan cara untuk memasarkan padi yang makin bertambah.

"Sebelum ini padi wangi boleh dijual RM1,500 satu tan, namun kini hanya boleh dijual dengan harga RM1 200 satu tan, kami rugi RM300," katanya kepada pemberita selepas meninjau lokasi penanaman padi di Kampung Kadok di sini pada Khamis.

Sementara itu, Setiausaha koperasi berkenaan, Mohd Zaidi Mohamad berkata, untuk musim ini sahaja, pihaknya kerugian hampir RM100,000 melibatkan tanah seluas 40 hektar. Dakwa Mohd Zaidi, luahan mereka sebelum ini kepada agensi berkenaan seperti tidak didengari menyebabkan masalah itu masih belum dapat diselesaikan sehingga kini.

Seorang pesawah, Mohd Fadzli Mamat, 44, berkata, dia dan beberapa rakaninya yang lain terpaksa meneruskan pe-

naaman padi dan menuai memandangkan ia satu-satunya sumber rezeki mereka.

"Saya terpaksa terus tanam padi sebab ini sumber rezeki. Saya dan pesawah lain memang rasa pelik apabila masalah ini tidak boleh diselesaikan oleh pihak berwajib," katanya.

Che Noh Che Ismail, 65, pula berkata, dia tertanya-tanya mengenai fungsi sebenar pembinaan kilang beras padi wangi di Jeran Pasu yang didakwa tidak beroperasi sebagaimana sepatutnya.

"Tidak tahu manfaat bina kilang itu kalau nasib kami masih sama seperti ini. Buat masa sekarang, kami tidak tahu apa yang boleh dilakukan dengan kilang itu.

"Kami harap kerajaan teliti hal ini kerana saya berpandangan pembinaan kilang tersebut bukan guna peruntukan kecil. Jadi, gunakanlah sebaik mungkin untuk membantu pesawah seperti kami ini," luahnya.



Antara ahli Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad yang hadir meninjau keadaan padi di kawasan Kampung Kadok.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, Mohd Sukri Yakub, 39, berkata, pihak yang sepatutnya haruslah turun padang dan memantau masalah dihadapi oleh pesawah.

"Penting untuk pihak agensi bantu sebab kami tidak mampu lagi untuk memasarkan sendiri semua hasil padi.

"Memasarkan hasil padi bukan kemahiran kami kerana kami hanya tahu menghasilkan padi wangi yang berkualiti untuk rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Bekalan ayam, telur mencukupi

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan ayam dan telur di pasaran mencukupi.

Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP menerusi kenyataannya memaklumkan dianggarkan pengeluaran bekalan ayam oleh pihak penternak di pasaran pada bulan Oktober 2021 adalah sebanyak 64.9 juta ekor.

“Bagi pengeluaran telur ayam pula, dianggarkan melebihi 1 bilion biji sebulan.

“Berdasarkan data tersebut, pengeluaran ayam dan telur ayam adalah mencukupi bagi menampung keperluan dan permintaan pengguna,” kata kenyataan itu pada Khamis.

KPDNHEP juga turut membuat pemantauan bekalan secara berkala ke atas 20 syarikat pengeluar ayam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22



Ahli Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad rugi hampir RM100,000 padi wangi sukar dipasarkan. (Foto Syaherah Mustafa/BH)

Pesawah rugi padi wangi tiada pembeli

Kota Bharu: Lebih 200 pesawah padi wangi mendakwa kerugian hampir RM100,000 susulan masalah pemasaran hasil tanaman mereka yang semakin meruncing, tahun ini.

Mereka yang juga ahli Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad mengaku buntu selepas masalah itu timbul pada 2019 dan menjadi semakin 'tenat' sejak beberapa bulan lalu apabila jualan hasil tanaman berkenaan dikatakan terus merudum.

Pengerusi Koperasi Padi Wangi Kelantan Berhad, Zailan Awang, mendakwa keadaan itu membabitkan hasil tanaman diusahakan di kira-kira 40 hektar tanah sawah di beberapa daerah, termasuk Pasir Puteh, Machang, Bachok dan Kota Bharu.

"Sebelum ini, kami menjual hasil tanaman kepada sebuah syarikat beras di Kedah. Namun atas beberapa faktor membabitkan agensi yang menguruskan

hasil padi, pembelian daripada syarikat itu dihentikan.

"Susulan itu, pesawah padi wangi mula terkotang-kanting mencari sendiri pasaran untuk hasil tanaman mereka. Malah, ada yang sanggup menyewa lori dengan kos mencecah ribuan ringgit, bagi menghantar sendiri beras ke lokasi pihak sudi membelinya.

"Beras wangi juga kini dijual pada harga beras biasa, iaitu RM1,200 untuk satu tan metrik berbanding harga sebenar bernilai RM1,500, sekali gus menyebabkan pengusaha mengalami kerugian," katanya ketika ditemui di Kampung Kadok, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Zailan berkata, pihak koperasi turut mempersoalkan perihal kilang padi di Pasir Puteh yang didakwa siap dibina sejak 2019, tetapi masih tidak beroperasi dan dipercayai terabai begitu saja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Tambak laut batal, nelayan hilang manfaat SIMP

GEORGETOWN: Seramai 435 nelayan yang merupakan sebahagian daripada 1,521 penduduk dari kawasan selatan Pulau Pinang menyerahkan nama serta tandatangan mereka kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menyokong projek tambakan laut di kawasan tersebut (PSR).


Sokongan itu dinyatakan secara terbuka menerusi penyerahan nama dan tandatangan tersebut oleh nelayan Unit Permatang Tepi Laut, Fajinah Jaafar kepada Ketua Menteri, Chow Kon Yeow di sini, semalam.

Menurut Fajinah, dia mengambili inisiatif mengumpul tandatangan penduduk dan nelayan yang menyokong projek tambak laut bagi membentuk tiga pulau bua-

tan itu sebaik sahaja mahkamah membatalkan kelulusan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) projek berkenaan, bulan lalu.

Menurutnya, pembatalan kelulusan tersebut bermakna manfaat-manfaat untuk nelayan di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) tidak dapat disampaikan kepada nelayan dalam masa terdekat.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Lestari, Mohd. Nasarudin Sultan yang turut menyokong inisiatif digerakkan Fajinah itu berkata, ramai penduduk di kawasan berhampiran PSR mengalu-alukan projek tersebut kerana menyedari PSR menjana ekonomi dan mewujudkan peluang perniagaan serta pekerjaan.



NELAYAN dari Unit Permatang Tepi Laut, Fajinah Jaafar menyerahkan nama dan tandatangan nelayan serta penduduk yang menyokong projek PSR kepada Chow Kon Yeow (tengah) di Georgetown, Pulau Pinang.



Oleh Noorazura
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Pendang

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memperuntukkan RM2 juta bagi membantu 128 peserta yang terlibat dalam projek Pertanian Petani Luar Bandar (PPLB) pada tahun ini.

Pengurus Besar KEDA Kamarudin Abd Akib berkata, bantuan itu diagihkan kepada semua peserta secara berperingkat sejak awal Januari lalu di setiap daerah di kawasan operasi wilayah KEDA.

Katanya, antara jenis bantuan diberikan adalah input pertanian, bantuan peralatan, mesin pertanian dan industri asas tani, bantuan membekal pulih dan menaik taraf tanah terbiar, bantuan latihan serta kursus.

"Tujuan bantuan ini diberikan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah peserta yang rata-ratanya petani dan golongan miskin tegar di kawasan luar bandar."

"Antara projek PPLB menerima bantuan KEDA ialah projek tanaman jagung, na-

KAMARUDIN (kiri) bersama pengusaha tanaman timun, Ahmad Nasir Nan yang menerima pam air dan paip di kebunnya di Kampung Kuala Lanjut.



Tingkat taraf hidup petani

128 peserta PPLB terima manfaat peruntukan RM2 juta disalurkan KPLB menerusi KEDA

nas, timun, pisang, cili, cendawan, ternakan kambing, arnab dan akuakultur seperti projek ikan air tawar dan udang kara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat ke tiga projek peserta PPLB di sekitar daerah ini, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Njagatani Sulaiman Mohd Noor.

Mengulas lanjut, Kamarudin berkata, pihaknya sangat berpuas hati dengan

perjalanan projek peserta yang menunjukkan kemajuan selepas bantuan diagihkan.

Katanya, hasil maklum balas peserta kepada pihak KEDA menunjukkan PPLB memberi manfaat peningkatan pendapatan antara 30 hingga 40 peratus.

"Peserta dapat menggunakan secara efisien dengan setiap bantuan yang kita serahkan, sebagai contoh lawatan ke projek

tanaman timun di Kampung Kuala Lanjut, di sini mendapati peserta Ahmad Nasir Nan, 36, berjaya mengeluarkan 10 tan timun di ladang diusahakan selepas kita agihkan bantuan pam air dan paip untuk kegunaan di ladangnya.

"Kita berharap kesemua peserta memanfaatkan bantuan kita agihkan sebaik mungkin kerana kita tidak teragak-agak untuk menarik balik bantuan sekiranya ia tidak digunakan," katanya.



AFIF (dua dari kiri) ketika menerima sijil peserta PPLB yang diserahkan Kamarudin (dua dari kanan).



KAMARUDIN (kanan) menyerahkan buku laporan pendapatan kepada Aida dan Mohd Ridzuan di Kampung Linchan, Pendang.



AHMAD Nasir

AIDA menunjukkan arnab ternakannya



AFIF kini memelihara 30 ekor kambing jenis Jamnapari.

Hasil tani, ternakan makin bertambah

Pendang: "Alhamdulillah selepas kandang saya dinaik taraf dengan bantuan KEDA, hasil jualan kambing meningkat," kata Mohd Afif Wadi Abdul Manaf, 30.

Peserta projek Pertanian Petani Luar Bandar (PPLB) menerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) ini, berkata dia sangat berterima kasih kepada KEDA apabila menerima geran RM20,000 selepas memulakan projek ternakan kambing pada 2019.

"Pada mulanya saya hanya ternak tiga ekor kambing, apabila melihat potensi kambing baka, saya membeli empat ekor kambing baka jenis Jamnapari dan dua

kambing jantan pada tahun lalu namun akibat kandang kecil ia agak menyukarkan saya melakukan kerja.

"Selepas KEDA menaik taraf kandang saya pada Jun dan siap pada Julai lalu, saya dapat bekerja dengan lebih selesa dan kini kambing saya sudah ada sebanyak 30 ekor, setiap seekor kambing saya jual dengan harga antara RM1,500 hingga RM2,000. Pendapatan saya meningkat sekali ganda berbanding sebelum ini," katanya yang tinggal di Kampung Bendang Raja di sini.

Sementara itu, bantuan daripada KEDA turut mengubah nasib seorang suri rumah dan suaminya yang

juga penoreh getah selepas mendapat geran menaik taraf sangkar arnab ditenak secara komersial.

Aida Mastura Mazlan, 28, berkata, dia bersama suami Mohd Ridzuan Mat Saad, 37, pada mulanya hanya memelihara empat ekor arnab pada Mac lalu di pekarangan rumahnya di Kampung Linchan, Padang Kerbau, dekat sini.

"Sebelum ini kami ternak arnab di kandang kambing, namun selepas mendapat geran sebanyak RM20,000 bagi membina bangsal dan sangkar yang lebih sistematis dengan 72 bilik pada Mei lalu, haiwan ini sudah membiak sehingga seka-

rang sudah ada lebih 400 ekor," katanya yang berpendapatan kira-kira RM1,200 sebulan hasil jualan arnab.

Bagi petani yang mengusahakan tanaman timun, Ahmad Nasir Nan, 36, berkata, dia sangat bersyukur apabila menerima geran pam air dan paip sepanjang 100 meter bagi melancarkan kerjanya di kebun seluas 0.3 hektar di Kampung Kuala Lanjut di sini.

Katanya, dia sebelum ini mempunyai masalah saluran bekalan air dan selepas menerima bantuan KEDA pada Mac lalu hasil timun meningkat sekali ganda kepada 10 tan bagi keluasan berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Bekalan ayam, telur mencukupi - KPDNHEP



KPDNHEP berkata ia berdasarkan anggaran pengeluaran bekalan ayam di pasaran oleh pihak penternak sebanyak 64.9 juta ekor pada Oktober, manakala bekalan telur ayam pula melebihi satu bilion biji sebulan. - Gambar hiasan

PUTRAJAYA: Bekalan ayam dan telur pada masa kini mencukupi bagi menampung keperluan dan permintaan pengguna, kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

KPDNHEP dalam kenyataan hari ini berkata ia berdasarkan anggaran pengeluaran bekalan ayam di pasaran oleh pihak penternak sebanyak 64.9 juta ekor pada Oktober, manakala bekalan telur ayam pula melebihi satu bilion biji sebulan.

Katanya susulan pewartaan ayam dan telur ayam sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, kementerian itu berperanan memastikan bekalan sentiasa stabil, mencukupi serta mudah diperoleh pengguna pada harga yang munasabah di pasaran.

"Bagi memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi, KPDNHEP membuat pemantauan keberadaannya secara komprehensif, selain menjalin kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pemeriksaan secara berkala di peringkat penternak, pemborong serta peruncit dari segi pengeluaran dan pengedaran," menurut kenyataan itu.

Menurutnya, bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP pula sentiasa memantau bekalan secara berkala ke atas 20 syarikat pengeluar ayam yang mewakili 1,028 ladang sejak 22 Sept 2020, dan 50 syarikat pengeluar telur ayam yang mewakili 101 ladang sejak Mei 2020.

Selain itu, katanya pemeriksaan secara harian berkaitan keberadaan bekalan ayam dan telur ayam ke atas 2,711 peruncit terpilih daerah (DDR) dan 1,039 pemborong terpilih daerah (DDW) juga dibuat yang meliputi 222 Parlimen dan 576 DUN di seluruh negara.

"KPDNHEP ingin mengingatkan kepada peniaga agar lebih bertanggungjawab dalam memastikan pengeluaran dan pengedaran ayam serta telur ayam sentiasa mencukupi untuk keperluan pengguna," katanya.

Individu atau syarikat yang melanggar undang-undang berkaitannya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, katanya.

Pengguna yang mempunyai maklumat berhubung salah laku peniaga boleh menyalurkan aduan menerusi pelbagai saluran seperti WhatsApp 019-279 4317; Mobileapps Ez ADU KPDNHEP; portal e-aduan.kpdnhep; pusat panggilan 1-800-886-800; emel di e-aduan@kpdnhep.gov.my atau melalui Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

KPDNHEP jamin bekalan ayam, telur cukup

Oleh SamadiAhmad - Oktober 7, 2021 @ 8:19pm
bhnews@bh.com.my



KPDNHEP jamin bekalan ayam, telur mencukupi di pasaran. Dianggarkan pengeluaran ayam adalah 64.9 juta ekor sebulan manakala anggaran pengeluaran telur ayam lebih satu bilion biji sebulan. - Foto hiasan NSTP/Aswadi Alias

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan ayam dan telur ayam mencukupi di pasaran.

KPDNHEP dalam kenyataan hari ini berkata, pihaknya mengambil maklum dan proaktif berhubung laporan beberapa akhbar dan media sosial berhubung peningkatan permintaan terhadap ayam dan telur ayam di pasaran berikutan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Susulan pewartaan ayam dan telur ayam sebagai barang kawalan bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, KPDNHEP berperanan memastikan bekalan ayam dan telur ayam sentiasa stabil dan mudah diperolehi pengguna pada harga yang munasabah di pasaran.

"Bagi memastikan bekalan mencukupi beberapa tindakan proaktif dilaksanakan KPDNHEP, antaranya membuat pemantauan bekalan ayam dan telur ayam secara komprehensif, menjalin kerjasama dengan agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Selain itu KPDNHEP turut menjalankan pemeriksaan secara berkala di peringkat penternak, pemborong dan peruncit dari segi pengeluaran dan pendedaran," kata kenyataan itu.

Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan bekalan secara berkala terhadap 20 syarikat pengeluar ayam yang mewakili 1,028 ladang, bermula 22 September lalu dan pemantauan bekalan terhadap 50 syarikat pengeluar telur ayam yang mewakili 101 ladang, bermula awal Mei tahun lalu bagi melihat kedudukan bekalan ayam dan telur ayam di seluruh negara.

Dianggarkan pengeluaran ayam oleh pihak penternak di pasaran pada Oktober adalah sebanyak 64.9 juta ekor sebulan manakala anggaran pengeluaran telur ayam adalah melebihi satu bilion biji.

"Berdasarkan data itu pengeluaran ayam dan telur ayam adalah mencukupi bagi menampung keperluan dan permintaan

pengguna.

"KPDNHEP juga sentiasa menjalankan pemeriksaan berkaitan keberadaan bekalan ayam dan telur ayam ke atas 2,711 peruncit terpilih daerah (DDR) dan 1,039 pemborong terpilih daerah (DDW) secara harian membabitkan 222 Parlimen dan 576 DUN di seluruh negara," kata kenyataan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

64.9 juta ayam, lebih 1 bilion biji telur dikeluarkan bulan ini, dijamin mencukupi



PUTRAJAYA: Pengeluaran ayam dan telur ayam dijamin mencukupi bagi menampung keperluan dan permintaan pengguna berdasarkan data diperoleh melalui pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menurut kenyataan KPDNHEP, Bahagian Penguat Kuasa kementerian tersebut sentiasa membuat pemantauan bekalan berkala ke atas 20 syarikat pengeluar ayam yang mewakili 1,028 ladang bermula 22 September tahun lalu.

Katanya, selain itu pemantauan bekalan ke atas 50 syarikat pengeluar telur ayam yang mewakili 101 ladang turut dijalankan bermula awal Mei tahun lalu bagi melihat kedudukan bekalan ayam dan telur ayam di seluruh negara.

“Dianggarkan pengeluaran bekalan bagi ayam oleh pihak penternak di pasaran pada bulan ini adalah sebanyak 64.9 juta ekor sebulan, manakala anggaran pengeluaran bekalan bagi telur ayam adalah melebihi 1 bilion biji sebulan.

“Selain itu, KPDNHEP juga sentiasa menjalankan pemeriksaan berkaitan keberadaan bekalan ayam dan telur ayam ke atas 2,711 peruncit terpilih daerah (DDR) dan 1,039 pemborong terpilih daerah (DDW) secara harian yang meliputi 222 Parlimen dan 576 Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara,” katanya di sini hari ini.

Kenyataan akhbar tersebut susulan KPDNHEP mengambil maklum dan reaksi proaktif ke atas laporan akhbar dan media sosial berhubung peningkatan permintaan ke atas ayam dan telur ayam di pasaran berikutan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN). Dalam pada itu, kenyataan itu menyebut, susulan daripada pewartaan ayam dan telur ayam sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, KPDNHEP berperanan memastikan bekalan ayam dan telur ayam sentiasa stabil, mencukupi dan mudah diperoleh pengguna pada harga munasabah di pasaran.

Selain itu, katanya, KPDNHEP menjalin kerjasama dengan agensi lain berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta menjalankan pemeriksaan secara berkala di peringkat penternak, pemborong dan peruncit dari segi pengeluaran dan pendedaran.

KPDNHEP turut mengingatkan peniaga agar lebih bertanggungjawab dalam memastikan pengeluaran dan pendedaran ayam dan telur ayam sentiasa mencukupi untuk keperluan pengguna.

“Mana-mana individu atau syarikat yang melanggar undang-undang berkaitannya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

“Sekiranya disabitkan kesalahan, peniaga boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Pengguna yang mempunyai maklumat berhubung salah laku peniaga boleh menyalurkan aduan kepada pihak KPDNHEP melalui saluran berikut Whatsapp 019-279 4317 atau Ez ADU KPDNHEP atau portal aduan.kpdnhep.gov.my atau Call Centre 1-800-886-800 atau Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245 selain emel e-aduan@kpdnhep.gov.my. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2021	KOSMO	NEGARA	16

Kerajaan Selangor bantu kebun komuniti

BANGI – Kerajaan Selangor memperuntukkan kira-kira RM250,000 menerusi Bantuan Pakej Kita Selangor 2.0 (PKS2.0) melibatkan empat kebun komuniti terpilih di setiap sembilan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri tersebut.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Ir Izham Hashim berkata, bantuan itu terdiri daripada peralatan tambahan termasuk baja untuk aktiviti perkebunan sekali gus sebagai galakan meningkatkan hasil tanaman yang diusahakan komuniti setempat.

"Kebun komuniti yang menerima bantuan ini dipilih oleh pihak PBT masing-masing iaitu dinilai berdasarkan usaha

(penduduk) sama ada aktif atau sebaliknya. Saya rasa (peruntukan) memang tidak cukup dan berharap akan ditingkatkan lagi tahun depan.

"Hal ini kerana ada sesetengah PBT itu mempunyai kebun komuniti yang banyak contohnya Shah Alam atau Subang Jaya, jadi empat kebun komuniti sahaja sikit sangat.

"Namun tidak mengapa ini untuk permulaan. Kita tingkatkan lagi pada masa akan datang dalam memberi sokongan dan bantuan kepada kebun komuniti ini," katanya pada program lawatan di daerah Hulu Langat dan penyerahan bantuan PKS2.0 di Kebun Komuniti Seksyen 8, Bandar Baru Bangi di sini semalam.



IZHAM (tengah) menyerahkan sumbangan peralatan perkebunan di Kebun Komuniti Seksyen 8, Bandar Baru Bangi semalam.